

Islam menggalakkan umatnya mendirikan rumah tangga. Perkahwinan adalah manifestasi cinta antara pasangan. Cinta itu indah namun cinta itu juga buta!

Bagaimana pula dengan anak-anak berusia belasan tahun yang mengambil keputusan untuk berkahwin? Perkahwinan usia remaja bukanlah satu kesalahan jika ada kedua-dua ibu bapa sudah mengambil kata sepakat kerana Islam sendiri menggalakkan umatnya berkahwin tetapi persoalan di sini apakah matlamat perkahwinan itu? Bukankah dalam usia tersebut tanggungjawab mereka adalah belajar dan mencari ilmu?

Rasionalnya, atas dasar apakah anak perempuan berusia belasan tahun dan pasangannya yang masih di alam persekolahan melayari bahtera rumah tangga. Jika cinta jawabannya, andakah cinta itu cinta yang sebenar-benarnya atau hanya satu eskapisme? Sudah bersedia anak lelaki ini untuk mengetahui nakhodanya?

Bagaimana pula daripada aspek tanggungjawab, kewangan dan perancangan keluarga? Dan bersedia si isteri bergelar ibu dalam usia remaja? Persoalan ini antara yang dirungkaikan dalam laporan khas kali ini? Ikuti laporan seterusnya dalam WANITA JUN 2014 yang disediakan Siti Hajar Mahmud, Noridawati Nahrawi dan Noor Hidayah Shafiee. Gambar dirakam oleh Razali Mohamad, Shah Affendy Sallehudin dan Rosmayni Jamali.

# Nakhoda Usia Remaja!

**W**AHA! golongan pemuda! Sesiapa di antara kamu yang telah mempunyai keupayaan untuk berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya perkahwinan itu dapat menjaga pandangan mata dan menjaga kehormatan. Maka sesiapa yang tidak berkemampuan, hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu dapat mengawal nafsu.  
- H. R. Bukhari dan Muslim.



Bagaimana jika zaman remaja itu diakhiri dengan alam perkahwinan? Kenapa perlu berkahwin dan bersedia mereka berkahwin dalam usia tersebut? Menurut kajian, hampir 90 peratus kegagalan dalam hidup seseorang itu disebabkan oleh ketiadaan niatlatam.

Kaunselor Kekeluargaan, Haji Hushim Haji Salleh memberikan pendapatnya mengenai perkahwinan usia remaja ini – zaman remaja dikatakan ramai yang bercinta dan setelah merasa cinta itu timbul satu perasaan yang indah, mereka mula lupa pada tanggungjawab sebagai seorang pelajar. Teman lelaki menjadi pengganti kepada ibu bapa dalam segala aspek, lebih mengujakan anak-anak perempuan jika si lelaki tadi bijak memberi perhatian kepadanya. Membeli hadiah seperti barang berjenama, membawa ke tempat makan yang mewah dan mengumpun dengan kata-kata manis yang boleh menjerat jiwa muda anak-anak gadis.

"Pada zaman moden ini, ada ibu bapa yang benar-benar mengambil berat mengenai setiap tingkah laku anak-anak mereka dan ada juga seolah-olah menyerahkan tanggungjawab menjaga dan mendidik anak pada orang lain.

"Sebelum ini, kita biasa mendengar pepatah 'menatang minyak yang penuh'. Sekarang mungkin tidak boleh digunakan lagi. Minyak yang ditatang hanya separuh penuh sahaja kerana ramai ibu bapa telah 'memindahkan' tanggungjawab dan hak menjaga anak-anak kepada pihak ketiga seperti nenek dan datuk, pembantu rumah atau pendidik di pusat penjagaan anak-anak.

Walau seibuk mana pun ibu bapa dengan tugas dan kerjaya mereka, ibu bapa perlu sedar bahawa kehadiran anak-anak dalam hidup sangat diperlukan. Mereka adalah amanah dan perlu dipikul dengan rasa penuh tanggungjawab. Anak-anak remaja mempunyai keinginan untuk mencuba dan merasa perkara baru dalam hidup mereka. Apabila terjebak dengan cinta, mereka mula lupa diri. Lebih mempercayai kata-kata manis teman lelaki daripada ibu bapa sendiri.

# Manifestasi CINTA

**Z**AMAN remaja adalah zaman yang paling indah untuk dikenang. Zaman peralihan selepas zaman Kanak-kanak ini pastinya penuh warna-warni dalam kehidupan. Inilah masanya, anak-anak remaja mengenali erti cinta, persahabatan, kasih sayang dan sebagainya.



Apabila sudah sampai tahap ini mereka mengambil keputusan untuk berkahwin bukan saja nasihat guru-guru, kaunselor malah nasihat ibu bapa sendiri mereka tidak mahu dengar," katanya.

Tegas beliau lagi, anak-anak yang kurang diberi perhatian oleh ibu bapa akan mula bertindak di luar dugaan dengan bebas bergaul bersama rakan-rakan tanpa mengira maruah dan harga diri. Alasan mudah untuk keluar dari rumah

seperti ke kelas tuisyen, majlis hari rakan dan aktiviti di sekolah menyebabkan mereka mudah untuk 'melepaskan' diri daripada ibu bapa.

Sejauh mana ibu bapa benar-benar menyelidik adakah mereka ke tempat tersebut atau sebaliknya. Ada kemungkinan mereka ini keluar dari rumah untuk bertemu janji dengan teman lelaki? Semua ini perlukan rasi syak wangsa daripada ibu bapa.

"Biasanya di abad ke-21 ini jaran ibu bapa yang beranikan anak dalam remaja berkahwin tetapi ada juga be daif kesnya mungkin kes yang terper. Pada era ini, ibu bapa ingin melihat anak-anak mereka berjaya sejauh mungkin dalam pelajaran. Ada kerja tetap dan barulah memikirkan untuk mendirikan rumah tangga.

"Kurangnya kawalan ibu bapa menyebabkan anak-anak gadis bebas bergaul terutama dalam lingkungan 13 dan 14 tahun. Pada usia ini mereka perlu dikawal. Begitu juga dengan kemudahan media sosial yang jika disalah guna oleh anak-anak boleh memberi kesan buruk," tambah beliau lagi.

Apabila tidak ada matlamat dalam perkahwinan, maka jalan singkat untuk selesaikan masalah adalah bercerai.



### Perkahwinan adalah 'kita'

Dr. Richard Furman dalam bukunya *The Intimate Husband* mengatakan bahawa seorang isteri biasanya inginkan suami yang boleh mendengar, memahami, terjamin kerjanya, boleh diharapkan, agresif tetapi lembut hati dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kualiti perkahwinan. Kejayaan sesebuah perkahwinan banyak bergantung pada cara anda melayan pasangan anda setiap hari. Setiap kali melafzkan cinta dan sayang pada pasangan lafazkan dengan sepenuh hati. Perhubungan anda mencerminkan diri anda yang sebenarnya.

"Dalam konteks perkahwinan usia remaja pula, kita perlu tahu apakah matlamat perkahwinan mereka. Ada kes yang saya kendalikan di mana ibu bapa datang mengadu yang anak remaja mereka ingin berkahwin. Mereka masih lagi belajar. Jadi, apakah matlamat mereka? Jika ditanya pada si anak, jawapannya adalah

cinta. Inilah yang dikatakan cinta itu buta! Mereka boleh memberi kepercayaan pada teman lelaki untuk sama-sama melayari bahtera rumah tangga sedangkan mereka tidak tahu apa matlamat sebenar perkahwinan itu. Seperti yang saya nyatakan tadi, perkahwinan bukan saja melibatkan cinta semata-mata, ia lebih dari itu?

"Sebab itu ada kes yang mana setelah beberapa bulan berkahwin ada yang bercerai-berai kerana tidak mampu melaksanakan tugas masing-masing. Setelah hidup sebumbung barulah kita ketahui realitinya, apa yang dikatakan the true colour kehidupan masing-

masing semakin ketara. Apabila tidak ada matlamat dalam perkahwinan, maka jalan singkat untuk selesaikan masalah adalah bercerai," jelas Hushim.

Justeru katanya lagi, suami sebagai nakhoda perlu mendidik isteri supaya bersabar dalam kesusahan. Ini akan menimbulkan rasa syukur dan redha dalam diri isteri. Isteri juga perlu dididik agar berbuat baik kepada kedua-dua orang tua dan mentuanya.

Hanya pasangan yang bahagia akan menjadi ibu bapa cemerlang. Justeru, rumah tangga yang dibina berasaskan kematangan, persediaan antara lelaki dan perempuan daripada aspek ilmu rumah tangga dan keibubapaan adalah bekalan asas untuk melayari rumah tangga.

"Bagi pasangan muda, jika mahu melayari bahtera, restu ibu bapa adalah sangat penting. Sokongan dan bantuan daripada mereka amat diperlukan dalam memastikan rumah tangga yang dibina mampu bertahan. Jika masih di alam persekolahan, mereka akan dikenakan tindakan tatatertib dan kebiasaannya akan berhenti sekolah. Di sinilah perlunya sokongan daripada keluarga, sokongan emosi sangat penting. Jangan disebabkan berlakunya musibah terhadap anak tadi maka mereka disalahkan. Mereka perlukan sokongan, nasihat, kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang lain," kata Hushim yang menasihati ibu bapa agar sentiasa dekat dengan anak-anak dan banyak berkomunikasi dengan mereka.



Haji Hushim Haji Salleh

# KEBENARAN MAHKAMAH

Perlu Untuk

# Perkahwinan USIA REMAJA

Berdasarkan akta tersebut, seseorang lelaki di bawah usia 18 tahun atau gadis di bawah usia 16 tahun jika ingin berkahwin, satu permohonan bagi mendapatkan perintah Hakim Syarie untuk membenarkan perkahwinan dilangsungkan perlu dikemukakan ke Mahkamah Syariah. Hakim Syarie akan mempertimbangkan permohonan dan alasan yang dikemukakan dan jika munasabah, perintah bertulis akan dikeluarkan.

Hanya dengan perintah tersebut, urusan perkahwinan termasuk akad nikah boleh dilaksanakan. Dan, jika perkahwinan tersebut tetap dilaksanakan tanpa kebenaran, ia menyalahi undang-undang.

Sementara itu, bagi golongan bukan Islam, Akta Membaharui Perkahwinan (akta yang memperuntukkan mengenai hal perkahwinan bagi bukan Islam) juga memperuntukkan umur minimum bagi mereka yang ingin berkahwin iaitu gadis melebihi usia 16 tahun dan lelaki melebihi usia 18 tahun. Malah, keizinan bertulis juga perlu diperoleh terlebih dahulu daripada pihak mahkamah sekiranya bakal pengantin berusia di bawah usia 21 tahun.

Menyentuh soal peruntukan undang-undang khas yang melindungi pasangan remaja yang ingin mendirikan rumah tangga, Suzana memberitahu sememangnya wujud undang-undang tersebut. Ia demi menjaga kebajikan remaja

**P**ERUNDING Psikologi Keluarga & Guaman Syarie, Suzana Ghazali, menyatakan undang-undang di Malaysia khususnya Akta atau Undang-undang Keluarga Islam menetapkan had umur minimum bagi lelaki dan perempuan yang ingin berkahwin. Berdasarkan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Seksyen 8 memperuntukkan tiada perkahwinan boleh dilaksanakan di bawah Akta ini jika lelaki berumur kurang daripada 18 tahun manakala atau perempuan pula berusia kurang daripada 16 tahun kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Hakim Syarie terlebih dahulu.

khususnya yang ingin berkahwin memandangkan perkahwinan bukan satu perkara mudah dan menyeronokkan sebaliknya penuh tanggungjawab.

Tambahnya lagi, walau usia bukan tanda atau bukti kematangan seseorang lebih-lebih lagi buat seorang remaja, namun ia tetap membantu dalam proses membuat sesuatu keputusan apatah lagi yang berkaitan emosi dan perkahwinan.

## Perkahwinan bukan perkara mudah

Menyifatkan perkahwinan bukan perkara yang mudah atau menyeronokkan, Suzana menegaskan ikatan perkahwinan merupakan satu amanah dan tanggungjawab besar yang perlu dipikul oleh setiap individu yang telah memasuki gerbang perkahwinan. Tidak terkecuali perkahwinan yang dibina atas dasar cinta.



Suzana Ghazali

"Banyak kes perceraian melibatkan pasangan yang berkahwin atas dasar cinta. Ia secara tidak langsung menjadi bukti cinta bukan satu jaminan kebahagiaan.

Jika benar ingin berkahwin, pastikan benar-benar bersedia untuk memikul tanggungjawab besar sebagai seorang suami dan juga seorang isteri.

"Dalam waktu yang sama, jangan sekali-kali menjadikan alasan perkahwinan untuk mengelak zina. Ini kerana perkahwinan bukan semata-mata untuk melampiaskan urusan nafsu semata-mata.


"Mengapa perlu bimbang melakukan zina jika tidak mendekati diri kepada zina sedang dalam al-Quran jelas larangan agar tidak mendekati zina, bukan melakukan zina. Bermaksud zina itu perlu dielakkan dengan tidak mendekatinya seperti bergaul bebas, melampau dalam komunikasi hingga mendorong timbulnya rasa berahi.

Kepada ibu bapa, walau se sibuk mana anda bekerja bagi membiayai keperluan keluarga, mohon agar peruntukkan juga masa anda buat anak-anak khususnya yang sedang meningkat remaja. Ambil tahu siapa rakan anak anda, aktiviti santai dan bahasa yang dituturkan dalam setiap komunikasi mereka terutama dengan kawan berbeza jantina.

Namun, ini bukan bermakna ibu bapa perlu mengongkang dan mengawal ketat anak-anak mereka. Cukup sekadar mengawal dan memantau.

Perlu diingat, anak-anak yang mendapat sepenuh perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapanya tidak memerlukan perhatian rakan berlainan jantina.

Hanya mereka yang dahagakan kasih sayang sebenar apabila tidak memperolehnya daripada ibu bapa akan mudah terjebak dengan cinta remaja dan berpotensi berkahwin di usia remaja. Lebih membimbangkan apabila ada yang terjebak dengan hubungan seks tanpa nikah. *W*



Jangan sekali-kali menjadikan alasan perkahwinan untuk mengelak zina. Ini kerana perkahwinan bukan semata-mata untuk melampiaskan urusan nafsu semata-mata.

**P**AKAR Andrologi, Dr. Mohd Ismail Mohd Tambi menyatakan usia minimum yang paling sesuai untuk pasangan remaja mendirikan rumah tangga adalah pada umur 18 tahun ke atas. Selain, pasangan telah mengalami fasa kematangan, sesi hubungan intim juga telah dianggap 'selamat' pada ketika ini.

Biarpun, kanak-kanak lelaki mula menunjukkan perubahan keseluruhan fizikal (akil baligh) ke peringkat dewasa seawal usia 10 tahun, namun ia dianggap mantap pada usia mereka 18 tahun. Kemunculan akil baligh bermula dengan tumbesaran badan yang berlaku serentak dengan tumbesaran reproduktif di mana untuk lelaki akan berlaku tumbesaran buah zakar, kerandut dan zakar.

Tidak dinafikan, bagi remaja lelaki yang kerap melakukan onani, air mani mula menjadi dan keluar dengan banyak. Untuk yang jarang atau tidak melakukannya pula, mereka akan mengalami mimpi basah.

Kemunculan pertama air mani itu dikenali sebagai 'spermache' dan ini antara petanda mutlak pencapaian akil baligh untuk kanak-kanak lelaki. Secara serentak terjadi perubahan akil baligh yang lain seperti kemunculan bulu roma di bahagian ketiak, tondun zakar, kerandut buah zakar, dada, betis, tangan, dagu dan atas bibir.

Bulu roma ini ada kaitan dengan baka dan bukan petanda mutlak akil baligh. Selain itu, tumbesaran otot dan struktur badan mengikut bentuk badan lelaki dewasa dan ketinggian mula bertambah. Pundi Apokrin di bahagian muka dan badan mula aktif dengan kemunculan jerawat selain penghasilan bau badan.

Biarpun secara fizikal mereka kelihatan 'sempurna' sebagai lelaki dewasa, namun ini bukan bermakna mereka berupaya menjalankan 'tanggungjawab' sebagai suami memandangkan ada segelintir lelaki dewasa juga yang mengalami masalah untuk 'bersama' isteri. Tambahan pula, pemikiran remaja yang dianggap masih belum cukup matang ini pastinya menyukarkan mereka untuk bertindak secara bijaksana dalam mengawal emosi, menangani cabaran sebagai suami dan melaksanakan peranan sebagai ketua keluarga.

# “18 Tahun Ke Atas Usia Sesuai Untuk Hubungan Kelamin”

Dr. Ismail Tambi

## Risiko buat wanita

Perkahwinan usia remaja di bawah usia 18 tahun sebenarnya lebih memperlihatkan sisi negatif kepada perempuan berbanding lelaki. Selain masih belum sepenuhnya mahir mengemudi urusan rumah tangga, hubungan intim yang berlangsung di bawah usia tersebut juga turut memberi kesan pada kesihatan reproduktif dan seksual mereka.

Malah lebih teruk lagi keadaan ini juga secara tidak langsung menjejaskan kesejahteraan mental, emosi, sosial dan spiritual remaja terbabit. Tambahan pula, usia yang terlalu muda untuk hamil adalah tidak sesuai kerana emosi dan fizikal remaja terbabit masih belum matang untuk melalui proses kehamilan dan kelahiran.

“Remaja berkahwin awal akan hamil pada usia muda dan berdepan banyak komplikasi serta masalah kesihatan sepanjang kehamilan, ketika melahirkan anak dan selepasnya. Ini sebabnya kehamilan di kalangan remaja dianggap kehamilan berisiko tinggi.

“Bagi yang telah melalui fasa kehamilan dan kelahiran, peratusan golongan ini berhadapan dengan kesan trauma pada anggota kelamin sangat tinggi. Penyakit kelamin seperti AIDS, hepatitis B atau C, sifilis, gonorea herpes dan ketuat sangat mudah menjangkiti mereka berikutan kecederaan yang dialami itu,” katanya yang turut memberitahu bahawa faktor kehamilan kerap akibat kurang pengetahuan tentang kaedah pencegahan kehamilan atau perancangan keluarga yang berkesan memburukkan lagi keadaan.



Dr. Mohd. Ismail Mohd. Tambi